

19 SEPTEMBER 2017

**Polis Perak rampas dadah RM10.5j tempoh 8 bulan**

## Polis Perak rampas dadah RM10.5j tempoh 8 bulan

[FOTO L MANIMARAN/BH]



Ravi Chandran menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak, semalam.

**Ipoh:** Polis Perak merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM10.5 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini dan jumlah itu meningkat lebih sekali ganda berbanding RM4.4 juta bagi tempoh sama tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri, Asisten Komisioner V R Ravi Chandran, berkata dalam tempoh sama tahun ini, polis menyita harta bernilai RM4.9 juta berbanding RM3.5 juta bagi tempoh sama tahun lalu membabitkan pesalah dalam aktiviti pengedaran dadah dan kesalahan mengikut Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

"Antara dadah dirampa termasuk methamphetamine seberat 79.18 kilogram (kg) diikuti ganja seberat 76.23 kg dan heroin seberat 32.17 kg, manakala pil yaba sebanyak 180,001 biji serta pil eramin 5 sebanyak 18,098 biji.

**1,664 ditahan edar dadah**

"Polis turut menahan 1,664 individu dipercury terbatik dalam aktiviti pengedaran dadah, manakala seramai 3,813 orang lagi ditahan kerana memiliki dadah dan 96 orang ditahan mengikut Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini, semalam.

Sementara itu, Ravi Chandran berkata, polis menahan empat lelaki termasuk dua beradik berusia antara 17 hingga 23 tahun dalam serbuan di sebuah rumah di Pokok Assam, Taiping, Rabu lalu.

"Turut ditemui dalam serbuan itu, dadah jenis heroin dibungkus dalam 43 paket lutsinar dengan berat keseluruhannya dianggarkan 2.18 kg.

"Hasil pemeriksaan mendapat dua daripada suspek mempunyai dua rekod jenayah lampau membabitkan jenayah dan dadah, namun ujian air kencing terhadap keempat-empat suspek mendapti mereka negatif dadah," kata dia.

Beliau berkata, keseluruhan dadah dirampa dianggarkan bernilai RM5,458 dan polis turut menyita sebuah motosikal bernilai RM5,000.

Katanya, semua suspek direman tujuh hari bermula Khamis lalu hingga Rabu ini untuk siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.